



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


27 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 438 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 232,082 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Marudu dan Sipitang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 581 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 221,373 orang. Manakala 1,496 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 665 orang di hospital, 825 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang merangkumi 69 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 56 (28.0%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah meneruskan trend menurun yang bermula sejak beberapa hari yang lalu dengan 438 kes hari ini. Jumlah ini 48 kes lebih rendah daripada jumlah kelmarin.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan 81 kes baharu, 19 kes lebih rendah daripada kelmarin, tetapi kekal daerah yang paling tinggi jumlah kes harian. Daerah-daerah lain dalam kumpulan ‘Empat Serangkai’, yakni Tuaran, Kota Belud dan Ranau, semuanya mencatat jumlah kes harian yang lebih tinggi walaupun peningkatan kes adalah dalam jumlah yang kecil.
- c. Kedudukan jumlah kes baharu di daerah-daerah lain adalah bercampur campur. Terdapat penurunan kes baharu di Penampang, Papar, Keningau, Kota Marudu dan Tenom tetapi daerah Kinabatangan, Kuala Penyu dan Lahad Datu mencatat pertambahan kecil. Daerah Semporna, Telupid, Nabawan, Tongod dan Kalabakan tidak mencatat sebarang kes baharu.
- d. Seramai 429 orang atau sekitar 98% daripada 438 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, 4 orang dalam Kategori 3, 2 orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. Dua orang pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (249) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	157	35.84%
3	Kontak	249	56.85%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	32	7.30%
JUMLAH		438	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 26/11/2021	Catatan Kes 27/11/2021	Perbandingan
1	Beluran	2	19	+17
2	Ranau	21	29	+8
3	Kinabatangan	3	11	+8
4	Kuala Penyu	14	18	+4
5	Lahad Datu	1	5	+4
6	Tuaran	45	48	+3
7	Kota Belud	45	48	+3
8	Kudat	11	12	+1
9	Tawau	9	10	+1
10	Tambunan	2	3	+1
11	Kunak	0	1	+1
12	Putatan	19	19	Mendatar
13	Semporna	0	0	Mendatar
14	Kota Kinabalu	100	81	-19
15	Tongod	12	0	-12
16	Keningau	29	19	-10
17	Telupid	9	0	-9
18	Kota Marudu	23	15	-8
19	Tenom	18	10	-8
20	Penampang	39	33	-6
21	Sandakan	12	6	-6
22	Sipitang	13	8	-5
23	Kalabakan	5	0	-5
24	Papar	26	23	-3
25	Beaufort	22	19	-3
26	Nabawan	3	0	-3
27	Pitas	3	1	-2
JUMLAH		486	438	-48

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (13 November – 26 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	45	27	0	9	81	1,164
Tuaran	0	34	10	0	4	48	740
Kota Belud	0	29	15	0	4	48	603
Penampang	0	15	18	0	0	33	484
Ranau	0	20	7	0	2	29	525
Papar	0	16	7	0	0	23	401
Keningau	0	10	8	0	1	19	256
Beaufort	0	8	11	0	0	19	353
Putatan	0	8	11	0	0	19	226
Beluran	0	17	2	0	0	19	108
Kuala Penyu	0	10	6	0	2	18	134
Kota Marudu	0	2	10	0	3	15	370
Kudat	0	6	5	0	1	12	177
Kinabatangan	0	8	3	0	0	11	191
Tenom	0	6	3	0	1	10	306
Tawau	0	6	2	0	2	10	123
Sipitang	0	5	3	0	0	8	151
Sandakan	0	1	5	0	0	6	136
Lahad Datu	0	1	3	0	1	5	80
Tambunan	0	2	1	0	0	3	138
Pitas	0	0	0	0	1	1	74
Kunak	0	0	0	0	1	1	16
Tongod	0	0	0	0	0	0	60
Telupid	0	0	0	0	0	0	85
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	12
Nabawan	0	0	0	0	0	0	27
Semporna	0	0	0	0	0	0	11
JUMLAH	0	249	157	0	32	438	6,951

- 6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 5,215 unit
- Hospital 1,365 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,360 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.69%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	426
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	438

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	2
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	426
Bukan Malaysia	12
Jumlah	438

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	78
Belum Menerima Vaksin	47
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	311
Jumlah	438

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	30
6 to 11	41
12 to 17	29
18 to 25	83
26 to 59	210
>60	38
Jumlah	438

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 26 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,800 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,427 orang adalah penduduk dewasa dan 373 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 26 November 2021 adalah seramai 2,439,280 orang. Ini meliputi 2,105,533 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.33% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,388,299 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,081,797 orang atau 75.47% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,747 orang atau 76.90% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 306,502 atau 70.62% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **677,331** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,115 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatankuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatankuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 139 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,061 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tujuh (7) notis dikeluarkan iaitu lima (5) di Daerah Kudat dan dua (2) di Daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 691 premis perniagaan dan 2084 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Gen Y, Centre Point (1 Orang), House of Gift, Centre Point (1 Orang), Fhethaisah Collection, Centre Point (1 Orang) dan Alex Printing, Centre Point (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 378 Premis Perniagaan melibatkan 204 anggota APM. Sebanyak 12 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 54 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 143 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98.8%
2	Beluran	98.8%
3	Kudat	98.8%
4	Tenom	98.8%
5	Kunak	98.7%
6	Papar	98.7%
7	Penampang	98.6%
8	Sipitang	98.6%
9	Keningau	98.6%
10	Tawau	98.6%
11	Semporna	98.6%
12	Kota Marudu	98.6%
13	Kinabatangan	98.6%
14	Lahad Datu	98.6%
15	Sandakan	98.6%
16	Kota Belud	98.6%
17	Kota Kinabalu	98.6%
18	Tuaran	98.6%
19	Ranau	98.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II